

06 JAN 2003

BUKU DR MAHATHIR BAPA PEMBANGUNAN SUKAN DILANCAR AKHIR BULAN

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Buku bertajuk "Dr Mahathir, Bapa Pembangunan Sukan Malaysia (Dr Mahathir, Father of Sports Development Malaysia), yang mengisahkan sejarah kepimpinan beliau dalam membangunkan sukan negara, akan dilancarkan akhir bulan ini.

Buku setebal 400 muka surat yang akan dicetak untuk permulaan dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan diikuti dengan versi bahasa Cina dan Tamil pada bulan Mac, diterbitkan oleh Ramcell Communications (M) Sdn Bhd dan Majlis Sukan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) yang menerbitkan Majalah Gold.

Pengarah Urusan Ramcell Communications Datuk Raja Mohamad Raja Abdullah berkata buku itu mengandungi fakta penting berserta gambar sepanjang kepimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan usaha beliau dalam pembangunan sukan negara.

Raja Mohamad yang juga pengarang Majalah Gold berkata buku itu ditujukan khas untuk Dr Mahathir yang akan bersara pada Oktober ini.

"Menerusi kepimpinan beliau, negara telah berjaya menganjurkan beberapa acara bertaraf dunia seperti Sukan Komanwel 98, Formula One, Kejohanan Golf Piala Dunia, Le Tour De Langkawi, Ironman Langkawi, Malaysia Sevens, World F1 Powerboat dan beberapa lagi sukan di peringkat Asia dan Asean," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata semasa pentadbiran Dr Mahathir juga beberapa projek "Malaysia Boleh" turut dijalankan seperti mendaki Gunung Everest selain pelayaran mengelilingi dunia secara solo oleh Datuk Azhar Mansor.

Beliau berharap buku ini dapat dijadikan bahan rujukan yang informatif kepada semua pihak, terutama sebagai bahan sejarah yang dapat diedarkan di sekolah dan pusat pengajian tinggi.

-- BERNAMA
HK HK LAT